

25/08/1997

Guru prasekolah perlu pelajari IT

Zaharah Manan

TENAGA pengajar kelas prasekolah Jabatan Kemajuan masyarakat (Kemas) perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan Teknologi Maklumat (IT) bagi mendidik kanak-kanak prasekolah menjelang Tahun 2000.

Penolong Pengarah Bahagian Kanak-Kanak Kemas Kebangsaan, Noriah Long, berkata, langkah itu perlu bagi melahirkan generasi cemerlang melalui kelas prasekolah.

Menurutnya, sehingga tahun ini Kemas sudah mewujudkan 8,000 kelas Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) dengan 8,000 tenaga pengajar dan 240,000 murid di seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah kelas prasekolah itu akan ditambah lagi bagi menampung kira-kira lima juta kanak-kanak memasuki kelas pra sekolah menjelang Tahun 2,005.

Katanya, usaha menambah kelas pra sekolah itu dijalankan bagi mendidik kanak-kanak dengan sistem pendidikan Membaca, Menulis dan Mengira (3M) bagi mengatasi buta huruf di kalangan penduduk luar bandar di seluruh negara.

"Bagi tahun ini dan tahun depan, Kemas memilih enam kelas prasekolah menjadi projek perintis dinamakan Program Khas Pembelajaran Komputer Kanak-Kanak Pra Sekolah.

"Sehubungan itu, setiap guru prasekolah perlu mempelajari sistem pendidikan komputer bagi memudahkan mereka memberi pembelajaran kepada kanak-kanak berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis penyampaian sijil tamat latihan kepada 117 guru prasekolah dari seluruh negara di Institut Latihan Kemas (ILK), Alor Akar, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Noriah berkata, Tabika itu juga dipilih sebagai Tabika Bestari dengan hasrat melahirkan kanak-kanak bestari bagi menjadikan mereka generasi cemerlang pada masa depan.

Menurutnya, selain itu, Kemas juga mewujudkan Program Pendidikan Kecemerlangan (Peka) di beberapa kelas prasekolah seluruh negara bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan kepada kanak-kanak yang memasuki kelas berkenaan.

"Saya harap guru-guru prasekolah perlu belajar menggunakan sistem komputer bagi memudahkan tugas mereka mengajar kanak-kanak di kelas masing-masing,"katanya.

Beliau berkata, guru prasekolah perlu bekerjasama dengan masyarakat setempat, terutama ibu bapa dalam usaha memberikan pendidikan kepada kanak-kanak prasekolah untuk mencapai tahap kecemerlangan yang sempurna.

Seorang pelatih terbaik antara guru prasekolah menerima sijil di majlis itu, Noraliza Kasbi, 34, berkata dia gembira kerana selepas menjalani latihan selama empat bulan setengah terpilih sebagai pelatih terbaik.

"Saya ingin menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed untuk meningkatkan pengetahuan di bidang Koridor Raya Multimedia bagi mendidik kanak-kanak prasekolah.

"Sehubungan itu, saya akan mempelajari sistem komputer bagi membolehkan saya mengajar kanak-kanak yang belajar di kelas prasekolah di Batu Pahang untuk melahirkan generasi cemerlang," katanya penuh harapan.

Noraliza sudah lima tahun menjadi pembantu guru di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Kemas di Parit Sulong, Batu Pahat diserapkan ke jawatan guru selepas tamat mengikuti latihan berkenaan.

(END)

